

NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN 2010

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE TUJUH KOPERASI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA BERHAD

Kepada Semua Anggota Perwakilan Koperasi UTM Berhad:-

NOTIS MESYUARAT

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali ke Tujuh Koperasi UTM Berhad akan diadakan pada hari Sabtu, 19hb Jun 2010, jam 9.00 pagi di Dewan Senat, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Bahru, Johor.

AGENDA

- a. Mengesahkan minit mesyuarat agung tahunan yang terdahulu dan mana-mana mesyuarat agung khas yang berselang;
- b. Menimbang laporan-laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman, dan Pandangan Ketua Pendaftar mengenai akaun-akaun teraudit dan laporan Lembaga Koperasi;
- c. Menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit Koperasi berdaftar dan subsidiari atau subsidiari-subsidiarinya, jika ada bersama dengan laporan juruaudit;
- d. Memilih anggota-anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman;
- e. Menimbang dan meluluskan belanjawan tahunan bagi tahun kewangan yang akan datang;
- f. Meluluskan elaun-elaun kepada anggota Lembaga dan Juruaudit Dalaman dan saraan kepada anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah subsidiari atau subsidiari-subsidiari koperasi itu, jika ada;
- g. Meluluskan perlantikan suatu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua firma audit untuk mengaudit akaun-akaun;
- h. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan Koperasi;
- i. Menentukan had maksimum keterhutangan;
- j. Melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang anggota atau perwakilan dan empat orang anggota lembaga untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agung tahunan;
- k. Mengisytihar atau menerbitkan syer-syer bonus;
- l. Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa urusan lain Koperasi yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari yang diberikan;
- m. Menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil Koperasi;
- n. Mendengar dan memutuskan apa-apa aduan, yang suatu notis yang tidak kurang dari tujuh hari yang dikemukakan oleh anggota yang terkilan dengan sesuatu keputusan Lembaga;
- o. Meluluskan apa-apa perbelanjaan bagi perlantikan orang-orang yang kompeten untuk membantu Jawatankuasa Audit Dalaman ; dan
- p. Menimbang dan meluluskan apa-apa laporan yang hendak dikemukakan menurut Peraturan-peraturan ini, jika ada.


Agenda (a), (b), (c), (d) dan (e) hendaklah diputuskan oleh mesyuarat agung tahunan.

Sehubungan dengan itu semua Perwakilan yang telah dipilih melalui Mesyuarat Agung Tahunan Kawasan adalah dijemput hadir.

Sekian kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan/puan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

"Kita Bersama"

Yang benar,
KOPERASI UTM BERHAD



AZRI BIN HOHAD
Setiausaha.

s.k - Pengerusi Koperasi UTM Berhad
- Bendahari Koperasi UTM Berhad
- Semua ALK

